



4 Mac 2022  
4 March 2022  
P.U. (A) 48

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(SKIM INSENTIF PUSAT PERDAGANGAN GLOBAL) 2022

*INCOME TAX (GLOBAL TRADING CENTRE INCENTIVE  
SCHEME) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(SKIM INSENTIF PUSAT PERDAGANGAN GLOBAL) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan subseksyen 6(1A) dan perenggan 2 Bahagian XVII Jadual 1 kepada, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pusat Perdagangan Global) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

**Pemakaian**

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada suatu syarikat yang layak yang memohon secara bertulis bagi Skim Insentif Pusat Perdagangan Global kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan permohonan sedemikian diterima pada atau selepas 1 Januari 2021 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022.

**Tafsiran**

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“Skim Insentif Pusat Perdagangan Global” ertinya suatu skim insentif bagi syarikat yang layak untuk menjalankan aktiviti yang layak dan diluluskan oleh Menteri;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];

- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) belum menjalankan apa-apa aktiviti di Malaysia;
- (d) yang memenuhi syarat kelayakan yang dikenakan oleh Menteri di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini; dan
- (e) yang menggunakan Malaysia sebagai pangkalan perdagangan antarabangnya.

#### **Aktiviti yang layak**

4. Aktiviti yang layak yang disebut di bawah Kaedah-Kaedah ini dan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global ialah suatu aktiviti yang dijalankan oleh syarikat yang layak berkenaan dengan penyumberan secara strategik, pemerolehan dan pengagihan bahan mentah, komponen dan barangan siap kepada syarikat lain di dalam atau di luar Malaysia.

#### **Kadar yang terpakai**

5. Kadar cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran yang ditentukan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat yang layak yang menjalankan perniagaan berkenaan dengan suatu aktiviti yang layak di bawah Skim Insentif Pusat Perdagangan Global adalah sepuluh peratus.

#### **Tahun taksiran yang ditentukan**

6. Tahun taksiran yang ditentukan yang disebut di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah bagi tempoh lima tahun taksiran berturut-turut bagi pelaksanaan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global bermula dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

#### **Syarat bagi Skim Insentif Pusat Perdagangan Global**

7. Syarikat yang layak yang memohon Skim Insentif Pusat Perdagangan Global di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan dan Garis Panduan bagi Insentif bagi Menubuhkan Suatu Pusat Perdagangan Global yang dikeluarkan atau disemak

semula oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan diluluskan oleh Menteri, yang mana hendaklah termasuk syarat seperti yang berikut:

- (a) menggaji sekurang-kurangnya lima belas orang pekerja sepenuh masa yang merupakan warganegara Malaysia dengan gaji minimum sebanyak lima ribu ringgit (RM5,000.00) sebulan dalam tempoh asas sepanjang tahun taksiran yang ditentukan bagi menjalankan aktiviti yang layak dan sekurang-kurangnya lima puluh peratus daripada pekerja itu ialah warganegara Malaysia;
- (b) mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi menjalankan aktiviti yang layak;
- (c) melakukan perbelanjaan operasi tahunan sekurang-kurangnya satu juta lima ratus ribu ringgit (RM1,500,000.00) bagi menjalankan aktiviti yang layak; dan
- (d) mencapai nilai jualan tahunan daripada aktiviti yang layak sekurang-kurangnya tiga ratus juta ringgit (RM300,000,000.00).

#### **Pelanjutan tahun taksiran yang ditentukan**

8. (1) Menteri boleh melanjutkan tahun taksiran yang ditentukan bagi tempoh lima tahun taksiran lagi tertakluk kepada syarikat yang layak memenuhi syarat yang disebut dalam kaedah 7.

(2) Permohonan bagi pelanjutan tahun taksiran yang ditentukan hendaklah dibuat oleh syarikat yang layak secara bertulis dan diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dalam tempoh tiga puluh hari sebaik selepas tamat tahun taksiran yang ditentukan.

(3) Pelanjutan tahun taksiran yang ditentukan hendaklah bermula dari tahun taksiran yang berikutnya selepas tamat tahun taksiran yang ditentukan dan berterusan selama tempoh lima tahun taksiran berikutnya.

### **Penyerahan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global**

9. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, kecuali jika syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global, membenarkan syarikat yang layak untuk menyerahkan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini melalui notis bertulis kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(2) Penyerahan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan bagi penyerahan Skim Insentif Pusat Perdagangan Global itu diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

### **Ketidakpakaian**

10. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak yang dalam tahun taksiran yang ditentukan—

- (a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
- (c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama; atau
- (d) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—

- (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
- (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
- (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Dibuat 3 Mac 2022

[MOF.TAX(S) 700-2/1/92; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-148; PN(PU2)80/Jld. 105]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Menteri Kewangan*

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

## INCOME TAX ACT 1967

## INCOME TAX (GLOBAL TRADING CENTRE INCENTIVE SCHEME) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with subsection 6(1A) and paragraph 2 of Part XVII of Schedule 1 to, the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Global Trading Centre Incentive Scheme) Rules 2022**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2021.

**Application**

2. These Rules shall apply to a qualifying company which applies in writing for the Global Trading Centre Incentive Scheme to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority and such application is received on or after 1 January 2021 but not later than 31 December 2022.

**Interpretation**

3. In these Rules—

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [Act 397];

“Global Trading Centre Incentive Scheme” means an incentive scheme for the qualifying company to undertake a qualifying activity and approved by the Minister;

“Qualifying company” means a company which—

(a) is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777];

- (b) is resident in Malaysia;
- (c) has not carried on any activity in Malaysia;
- (d) fulfills the eligibility condition imposed by the Minister under the Act and these Rules; and
- (e) uses Malaysia as its international trading base.

#### **Qualifying activity**

4. A qualifying activity referred under these Rules and the Global Trading Centre Incentive Scheme is an activity undertaken by a qualifying company in respect of strategic sourcing, procurement and distribution of raw materials, components and finished products to other company within or outside Malaysia.

#### **Applicable rate**

5. The rate of income tax which shall be charged under these Rules for the specified years of assessment on the taxable income of a qualifying company which carries on business in respect of a qualifying activity under the Global Trading Centre Incentive Scheme is ten per cent.

#### **Specified years of assessment**

6. The specified years of assessment referred under these Rules is a period of five consecutive years of assessment for the implementation of the Global Trading Centre Incentive Scheme commencing from the date as determined by the Minister.

#### **Conditions for the Global Trading Centre Incentive Scheme**

7. A qualifying company which applies for the Global Trading Centre Incentive Scheme under these Rules shall comply with the conditions imposed by the Minister as specified in the approval letter and the Guidelines for Incentive for Setting Up A Global Trading Centre issued or as revised by the Malaysian Investment Development Authority and approved by the Minister, which shall include the following conditions:

- (a) employ at least fifteen full-time Malaysian employees with a minimum salary of five thousand ringgit (RM5,000.00) per month in the basis period throughout the specified years of assessment to carry on the qualifying activity and at least fifty percent of that employees are Malaysians;
- (b) has a paid-up capital of at least one million ringgit (RM1,000,000.00) to carry on the qualifying activity;
- (c) incur an annual operating expenditure of at least one million and five hundred thousand ringgit (RM1,500,000.00) to carry on the qualifying activity; and
- (d) achieve an annual sales value from the qualifying activity of at least three hundred million ringgit (RM300,000,000.00).

**Extension of specified years of assessment**

8. (1) The Minister may extend the specified years of assessment for another period of five years of assessment subject to the qualifying company fulfilling the conditions referred to in rule 7.

(2) An application for the extension of the specified years of assessment shall be made by the qualifying company in writing and received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority within thirty days immediately after the expiry of the specified years of assessment.

(3) The extension of the specified years of assessment shall begin from the subsequent year of assessment after the expiry of the specified years of assessment and continues for a period of five years of assessment.

### **Surrender of Global Trading Centre Incentive Scheme**

9. (1) The Minister may, at any time, except where the qualifying company fails to comply with any conditions imposed in relation to the Global Trading Centre Incentive Scheme, allow the qualifying company to surrender the Global Trading Centre Incentive Scheme granted under these Rules by notice in writing to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

(2) The surrendering of the Global Trading Centre Incentive Scheme shall have effect on the first day in the basis period for the year of assessment in which the application for surrender of the Global Trading Centre Incentive Scheme is received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

### **Non-application**

10. These Rules shall not apply to a qualifying company which in the specified years of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327] in respect of the similar qualifying activity;
- (c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the similar qualifying activity; or
- (d) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
  - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
  - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [P.U. (A) 129/2006]; or

- (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Made 3 March 2022

[MOF.TAX(S) 700-2/1/92; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-148; PN(PU2)80/Jld. 105]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ  
*Minister of Finance*

*[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]*